

BAB 5 : PASARAN

SPM2004

1. Dalam ekonomi, permintaan pasaran ditakrifkan sebagai
 - A. Kuantiti barang yang diminta oleh semua pengguna dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
 - B. Kuantiti barang yang diminta oleh individu pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
 - C. Kuantiti baran yang diminta oleh pengeluar dalam tempoh tertentu pada tingkat harga tertentu
 - D. Kuantiti barang yang diminta oleh semua pengguna dalam pasaran

2. Apakah kesan kepada pasaran kereta jika permintaan bertambah tetapi penawaran tetap?
 - I Lebih permintaan
 - II Lebih penawaran
 - III Harga akan jatuh
 - IV Harga akan naik
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

3. Jadual dibawah menunjukkan hubungan antara harga sejenis ikan dengan kuantiti yang diminta oleh pemborong P, Q, dan R.

Harga Ikan (RM)	Kuantiti Permintaan (Kg)		
	Pemborong P	Pemborong Q	Pemborong R
10	60	80	100
20	50	70	80
30	40	60	60
40	30	50	40

Jika kuantiti penawaran pasaran ikan tersebut ialah 200kg, berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran?


- A. RM10
- B. RM20
- C. RM30
- D. RM40

4. Apakah sumber ekonomi yang tidak diuruskan di pasaran faktor?
 - A. Buruh
 - B. Tanah
 - C. Modal
 - D. Usahawan

5. Antara berikut, yang manakah merupakan aliran fizikal?
 - I Penawaran faktor-faktor pengeluaran daripada isi rumah kepada firma
 - II Penawaran barang-barang dan perkhidmatan daripada firma ke isi rumah
 - III Firma membayar ganjaran terhadap penggunaan faktor-faktor pengeluaran kepada isi rumah
 - IV Isi rumah menggunakan pendapatan untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan daripada firma
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. I dan III
 - D. III dan IV

SPM2005

1. Rajah 2 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran barang X.



Rajah 2

Apakah kesannya jika harga turun dari P_0 ke P_1 ?

- I Ketidakseimbangan pasaran berlaku
- II Keseimbangan pasaran berlaku di P_1
- III Berlaku lebih penawaran sebanyak Q_1Q_2
- IV Berlaku lebih permintaan sebanyak Q_1Q_2


- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

2. Dalam aliran pusingan pendapatan, isi rumah menerima ganjaran daripada firma kerana

- A. Membeli barang-barang daripada firma
- B. Membekalkan barang akhir kepada firma
- C. Membeli faktor-faktor pengeluaran daripada firma
- D. Membekalkan faktor-faktor pengeluaran kepada firma

SPM2006

1. Rajah 4 menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi baju sukan.



Rajah 4

Apakah yang akan berlaku pada tingkat harga P_1 ?


- A. Lebih permintaan, harga akan naik
- B. Lebih permintaan, harga akan jatuh
- C. Lebih penawaran, harga akan naik
- D. Lebih penawaran, harga akan turun

2. Antara yang berikut, yang manakah sumber ekonomi yang diurusniagakan di pasaran faktor?

- I Tanah
- II Buruh
- III Modal
- IV Usahawan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

3. Rajah 5 menunjukkan keluk penawaran Firma A (S_a) dan Firma B (S_b) bagi suatu barang.



Rajah 5

Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan penawaran pasaran bagi barang tersebut?


A	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
	5	27
	6	42
	8	50

B	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
	5	17
	6	22
	8	30

C	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
	5	25
	6	27
	8	30

D	Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
	5	27
	6	37
	8	50

4. Rajah 6 dibawah menunjukkan aliran pusingan pendapatan



Aliran yang manakah menunjukkan pembayaran faedah dan sewa?

- A. 1
- B. 2
- C. 3
- D. 4

SPM2007

1. Antara yang berikut, yang manakah menepati konsep pasaran?

- I Ada penjual dan pembeli
- II Mempunyai suatu tingkat harga tertentu
- III Pembeli dan penjual mesti bertemu
- IV Mempunyai barang dan perkhidmatan untuk diurusniagakan

- A. I, II, dan III
- B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV
- D. II, III, dan IV

2. Jadual 5 menunjukkan pasaran suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	Kuantiti Ditawar (unit)
10	55	35
15	40	40
20	35	55
25	20	60

Pilih pernyataan yang benar.

- A. Lebihan penawaran sebanyak 20 unit pada tingkat harga RM10


- B. Lebihan penawaran sebanyak 20 unit pada tingkat harga RM20
- C. Lebihan permintaan sebanyak 40 unit pada tingkat harga RM15
- D. Lebihan permintaan sebanyak 40 unit pada tingkat harga RM25

3. Apakah kesan terhadap pasaran buruh di Malaysia apabila kerajaan menghantar balik pekerja asing Indonesia?

- I Upah buruh meningkat
- II Penawaran buruh berkurang
- III Upah buruh menurun
- IV Penawaran buruh meningkat

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

4. Rajah 3 menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor.



Rajah 3

Apakah peranan Encik Baskaran dalam Aliran P?

- A. Menerima ganjaran upah
- B. Membekalkan faktor pengeluaran
- C. Membuat perbelanjaan penggunaan
- D. Menggabungkan faktor pengeluaran

SPM2008

1. Jadual 2 menunjukkan kuantiti beg yang ditawarkan oleh firma R, S dan T pada pelbagai tingkat harga.

Harga Beg (RM)	Kuantiti Yang Ditawar (unit)		
	Firma R	Firma S	Firma T
3	5	5	4
4	10	8	6
5	15	9	10
6	20	10	14

Jadual 2

Jika kuantiti permintaan pasaran ialah 34 unit, berapakah harga keseimbangan?

- A. RM3
- B. RM4
- C. RM5
- D. RM6

2. Jadual 3 menunjukkan penawaran biskut oleh 3 buah firma di pasaran.


Harga Biskut (RM)	Kuantiti Yang Ditawar (kg)		
	Firma A	Firma B	FirmaCT
5	20	15	10
4	15	11	7
3	10	7	4

Jadual 3

Pilih pernyataan yang benar.

- A. Pada tingkat harga RM5, penawaran pasaran bagi biskut ialah 30kg.
- B. Penawaran biskut di pasaran berkurang sebanyak 12kg apabila harga barang turun dari RM5 ke RM4
- C. Penawaran biskut bertambah sebanyak 13kg apabila harga barang naik dari RM3 ke RM4
- D. Pada tingkat harga RM3, penawaran pasaran bagi biskut ialah 31kg.

3. Rajah 2 menunjukkan proses mencapai tingkat keseimbangan pasaran suatu barang.



Rajah 2

Pernyataan yang manakah menerangkan X?

- A. Kuantiti yang ditawarkan berkurang
- B. Harga keseimbangan lebih rendah daripada harga barang.
- C. Kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta
- D. Kuantiti yang diminta tidak berubah

4. Jadual 4 menunjukkan penawaran dan permintaan buruh dalam pasaran.

Upah Sehari (RM)	Kuantiti Buruh Diminta (orang)	Kuantiti Buruh Ditawar (orang)
8	40	140
6	60	110
4	100	60
2	120	20

Jadual 4


Pernyataan yang manakah benar tentang pasaran buruh di atas?

- A. Pada tingkat harga RM2, wujud lebih permintaan sebanyak 120 orang
- B. Pada tingkat harga RM4, wujud kurangan penawaran sebanyak 60 orang
- C. Pada tingkat harga RM6, wujud lebih penawaran sebanyak 50 orang.
- D. Pada tingkat harga RM8, wujud kurangan permintaan sebanyak 40 orang.

5. Pilih pernyataan yang benar tentang pasaran faktor.

- A. Suatu keadaan pembeli dan penjual bertemu untuk menjalankan aktiviti jual beli perkhidmatan.
- B. Suatu situasi pembeli mendapatkan faktor-faktor
- C. Suatu situasi penjual menawarkan faktor-faktor pengeluaran untuk mendapatkan keuntungan maksimum.
- D. Suatu keadaan pembeli dan penjual bertemu untuk menjalankan urus niaga faktor-faktor pengeluaran.

6. Rajah 3 menunjukkan aliran wang dalam



Rajah 3

ekonomi dua sektor.

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Aliran I?

- A. Pembayaran ganjaran faktor
- B. Permintaan faktor pengeluaran
- C. Penawaran barang dan perkhidmatan
- D. Penerimaan hasil jualan barangan